

PRAGMATIK PERINTAH PERGERAKAN KAWALAN (PKP) KE ATAS PEMBANGUNAN LESTARI SOSIOEKONOMI INSTITUSI KEKELUARGAAN DI SABAH: DIAGNOSIS ISU- ISU SEMASA

PRAGMATICS OF THE CONTROL MOVEMENT ORDER (PKP) ON THE SOCIO-ECONOMIC SUSTAINABLE DEVELOPMENT OF FAMILY INSTITUTIONS IN SABAH: A DIAGNOSIS OF CURRENT ISSUES

Mohd Sohaimi Esa^{1*}
Irma Wani Othman^{2*}
Romzi Ationg^{3*}
Saifulazry Mokhtar⁴

^{1*}Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia, (E-mail: msohaimi@ums.edu.my)

^{2*}Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia, (Email: irma@ums.edu.my)

^{3*}Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia, (E-mail: mratiiong@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia, (E-mail: saifulazry@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021
Revised date : 16-08-2021
Accepted date : 30-09-2021
Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., & Mokhtar, S. (2021). Pragmatik Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) Ke Atas Pembangunan Lestari Sosioekonomi Institusi Kekeluargaan Di Sabah: Diagnosis Isu-Isu Semasa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 213 - 224.

Abstrak: Tanggal 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri. Selaras dengan pengumuman itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melancarkan PKP bagi membendung penularan wabak Covid-19. Kerajaan telah melaksanakan Standard Operating Procedure (SOP) yang boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti kesihatan awam, kawalan sempadan, tahap sektor ekonomi, perlindungan golongan berisiko dan penguatkuasaan undang-undang. Natijahnya, wabak Covid-19 telah mengubah kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat, termasuk institusi kekeluargaan. Justeru, perbincangan difokuskan kepada diagnosis isu-isu semasa di sebalik pragmatik PKP yang mempunyai impak ke atas pembangunan lestari sosioekonomi institusi kekeluargaan, khususnya di negeri Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan berasaskan sumber sekunder, di samping disokong oleh sumber awalan seperti laporan dan dokumen polisi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa PKP secara relatifnya telah memberikan kesan besar kepada kelestarian

pembangunan sosioekonomi institusi kekeluargaan. Hal ini juga berlaku dalam kalangan penduduk Sabah ketika usaha mengawal pandemik Covid-19.

Kata Kunci: *Perintah Kawalan Pergerakan; Sosioekonomi; Institusi Kekeluargaan; Sabah*

Abstract: *On 18 March 2020, the Movement Control Order (MCO) was implemented following the announcement by the YAB Prime Minister. In line with the announcement, the Ministry of Health Malaysia and the National Security Council took appropriate action to launch the MCO at the aim of curbing the spread of Covid-19. The government has implemented a Standard Operating Procedure (SOP) which can be divided into several aspects such as public health, border control, economic sector, protection of at-risk groups and law enforcement. As a result, the Covid-19 epidemic has changed citizens daily lives in within the community, including family institution. This paper present a diagnosis on present issues behind the MCO pragmatics that impacted the socioeconomic sustainable development of family institution, especially in Sabah. This study uses a qualitative method through the examination of secondary sources and preliminary sources such as reports and policy documents introduced by the government. The results of the study show that the MCO has relatively brings a significant impact on the sustainability of socio-economic development of family institution. This also have impacted the people of Sabah during the efforts to curb the Covid-19 pandemic.*

Keywords: *Movement Control Order; Socioeconomic; Family Institution; Sabah*

Mukadimah

Pandemik Covid-19 merupakan isu global yang kini belum ada kesudahannya sepertimana yang dilalui oleh Malaysia. Malaysia sedaya upaya berusaha untuk membendung penularan wabak tersebut yang dilihat kes seharian masih tinggi selepas Malaysia dilanda gelombang ketiga. Gelombang ketiga ini telah bermula di negeri Sabah dan diikuti oleh negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Selangor dan seterusnya (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021a). Di Sabah, gelombang ketiga yang menyebabkan kes Covid-19 meningkat mendadak dikaitkan dengan Pasca Pilihan Raya Negeri Sabah pada 26 September 2020 (Yazid, 2020). Secara umumnya, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan, terutamanya menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kedua-dua agensi ini menjadi tumpuan rakyat, serta menjadi panduan kepada Standard Operating Procedure (SOP) di peringkat persekutuan mahupun negeri. Gabungan mantap kedua-dua agensi ini telah menunjukkan komitmen bekerjasama untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kemudiannya diperkenalkan Perintah Kawalan Pegerakan Bersyarat (PKPB). PKP fasa 1 telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 (Medical Device Authority, Ministry of Health Malaysia, 2020; BH Online, 16 Mac 2020).

Selaras dengan pengumuman tersebut, KKM dan MKN telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melancarkan pelaksanaan PKP agar keberkesannya dapat membantu membendung penularan Covid-19. Malah beberapa langkah susulan dan penambahbaikan telah diambil untuk merawat pesakit Covid-19. Antaranya usaha KKM dan beberapa agensi berkaitan telah mendirikan pusat rawatan yang dikenali sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di tempat yang bersesuaian seperti stadium sukan dan dewan awam

di seluruh negara. Hal ini bagi menjamin kapasiti rawatan adalah mencukupi dan penghantaran pesakit yang dijangkiti juga diurus oleh pejabat kesihatan daerah menggunakan ambulans yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi mengurangkan risiko pendedahan virus kepada orang awam (Kementerian Kesihatan Malaysia, 29 Oktober 2020). Di Sabah pula, menurut mantan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, usaha untuk meningkatkan jumlah bilangan PKRC turut dilakukan sejak Oktober 2020 bagi merawat pesakit Covid-19. Langkah ini dilakukan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, selain dari pertambahan katil pesakit dan peralatan perubatan yang sedia ada di hospital kerajaan (Yahaya, 2020).

Pada hakikatnya, sejak pelaksanaan PKP diisytiharkan pada 18 Mac 2020, terdapat banyak Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. SOP yang berbeza-beza juga dikeluarkan disebabkan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021b). Setiap pelaksanaan kategori PKP tersebut mempunyai fungsi dan matlamat masing-masing. Kerajaan yang melaksanakan SOP bagi membendung penularan wabak COVID-19 dibahagikan kepada beberapa aspek, antaranya kesihatan awam, pengukuhan kawalan sempadan, pembukaan sektor ekonomi mengikut tahap, perlindungan golongan berisiko, serta penguatkuasaan undang-undang. Di Sabah, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah turut bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan menerusi KKM dan MKN (Portal Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah, 2021). Justeru, kertas kerja ini membincangkan dari segi diagnosis isu-isu semasa di sebalik pragmatik PKP yang mempunyai impak ke atas pembangunan lestari sosioekonomi institusi kekeluargaan, khususnya di negeri Sabah. Sebelum dibincangkan isu berkenaan, maka terlebih dahulu dihuraikan dari segi metodologi dan kajian literatur.

Metodologi dan Kajian Literatur

Metodologi kajian dalam penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan ilmu sains sosial. Pendekatan kualitatif merujuk kepada pendekatan kajian yang memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap aspek phenomenology, iaitu memfokus kepada proses dan peristiwa secara tematik, semulajadi dan bebas berasaskan maklumat dari pelbagai sumber seperti sumber primer serta sekunder, dan bukannya berasaskan maklumat kuantitatif (frekuensi, peratusan, sisihan piawai, dan sebagainya) (Ationg, Esa, Ibrahim & Abdul Muis, 2020; Ationg, Ibrahim, Esa & Layapan, 2020; Rahman, Ationg & Zulhaimi, 2017; Esa, M. S., Othman, Ationg, Ibrahim, Adam, Hamid & Hajimin, 2021). Pendekatan ini biasanya dianggap sebagai rekabentuk yang popular dalam bidang sains sosial seperti sejarah, pendidikan, antropologi dan sosiologi. Tambahan pula, pendekatan ini menekankan kepada perkataan atau ayat berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian atau kaedah tertentu (Ationg, 2020; Ationg, 2018; Esa, Ationg, Othman & Jupiter, 2021). Sungguhpun, penulisan ini menyentuh tentang isu-isu semasa, yang hangat diperkatakan kini iaitu PKP dan wabak Covid-19, namun kepelbagaian kaedah penulisan akan dapat memperluaskan perbincangan berkaitan dengan permasalahan kehidupan manusia. Justeru, institusi kekeluargaan begitu penting diberikan perhatian untuk diteliti dan dikaji, antaranya termasuklah dari segi kelestarian sosioekonomi.

Dalam konteks penulisan, kaedah kualitatif berasaskan sumber sekunder dan disokong dengan dokumen polisi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan akan dapat menjelaskan situasi sebenarnya yang berlaku. Perbincangan yang bersifat kualitatif perlu diadunkan dengan huraian secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009; Esa, Muis, Ationg, Othman, Lokin, Mokhtar & Adam, 2021). Justeru, perbincangan dalam penulisan ini banyak dirujuk berasaskan sumber awalan dan sumber media bersifat dokumentasi di arus perdana. Dalam konteks sumber awalan, antara lain yang menjadi rujukan utama termasuklah portal rasmi kerajaan persekutuan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Di samping itu, turut dirujuk dari portal rasmi kerajaan negeri seperti Portal Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Sementara media bersifat dokumentasi secara digital digunakan seperti akhbar dan media television yang banyak membuat laporan dan ulasan berkiatan dengan isu berkenaan.

Dalam konteks kajian literatur pula, boleh diklusterkan kepada dua kategori iaitu laporan dan ulasan dalam media arus perdana; dan keduanya, kajian ilmiah berkaitan dengan isu wabak Covid-19 dan PKP. Kategori pertama, laporan yang disampaikan oleh KKM dan MKN, termasuk sidang harian di beberapa rangkaian televisyen utama dan radio bagi menyampaikan maklumat penting berkaitan Covid-19 dan PKP. Usaha ini dilakukan dengan harapan untuk memberikan informasi dengan cepat dan tepat kepada masyarakat umum. Antara maklumat yang disampaikan adalah perkembangan semasa kes, memperbetulkan salah tanggapan orang awam, inisiatif kerajaan dalam merencanakan semula sektor ekonomi dan langkah penjagaan diri seperti yang disarankan oleh WHO. Hal ini penting kerana 'disinformasi' perkara tersebut boleh menjejaskan kestabilan negara, keselamatan rakyat dan perpaduan kaum. Di Sabah pula, segala informasi peringkat negeri diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah dengan menggunakan portal rasmi di bawah seliaan kerajaan negeri. Penentuan SOP juga diselaraskan agar dapat disesuaikan dengan situasi semasa di peringkat negeri. Antara lainnya termasuklah SOP berkaitan dengan imigresen dan hal ehwal beribadat, khususnya umat Islam (Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah, 2021a). Perihal yang menarik informasi yang disampaikan akan dapat memberikan manfaat dalam kalangan rakyat, termasuk institusi kekeluargaan.

Sementara dari segi kajian pula, isu Covid-19 dan PKP semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi awam. Hal ini mula diberikan perhatian apabila kerajaan melaksanakan PKP pada 18 Mac 2020. Antaranya termasuklah Asan Ali Golam Hassan, Nanthakumar Lohanatahan, Maznieda Mazjom, Nor Asiah Muhammad, Aminuddin Mohamed & Johari Alwi (2020), yakni mengkaji impak Covid-19 ke atas status sosioekonomi dan kesihatan masyarakat Orang Asli. Mohammad Alias Zainal Abidin & Roslinah Mahmud (2020) pula, melihat impak Covid-19 ke atas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan berdasarkan sumber berita atas talian sekitar tahun 2020. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) turut membuat kajian kesan Covid-19 kepada ekonomi dan individu di negara ini. Rumusannya, implikasi Covid-19 telah menjejaskan sektor ekonomi negara, serta secara relatifnya juga sosioekonomi institusi kekeluargaan yang menjadi objektif dalam penulisan ini.

Pragmatik PKP ke atas pembangunan lestari sosioekonomi institusi ekeluargaan di Sabah

Pandemik COVID-19 telah mengubah kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat daripada peringkat individu, keluarga dan komuniti. Wabak Covid-19 telah memberi impak kepada semua golongan sama ada pelajar atau pekerja, orang dewasa, tua bahkan kanak-kanak tanpa mengira keturunan, agama dan pangkat sama ada besar mahupun kecil. Pada hakikatnya, mereka ini secara langsung atau tidak terlibat dalam institusi kekeluargaan. Isu yang paling hampir dengan kelestarian pembangunan institusi kekeluargaan adalah apabila peluang pekerjaan kepada masyarakat menurun dan kadar pengangguran yang tinggi dalam pelbagai bidang sektor ekonomi. Malah kehidupan seharian mereka terjejas, kadang selari dengan kemerosotan sosioekonomi seisi keluarga berbanding dengan keadaan sebelum pandemik Covid-19. Terdapat beberapa pembaharuan perlu dilakukan oleh mereka untuk menyesuaikan diri dalam norma baharu ini. Seseorang individu itu seharusnya peka dengan mengutamakan kesihatan sendiri lebih daripada sebelumnya. Dalam pandemik COVID-19, terutamanya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dikatakan sebagai cabaran terbesar bagi institusi kekeluargaan yang mereka bekerjaya tidak dapat bekerja selama beberapa bulan dan sesetengah mereka menjangkau lebih setahun. Keadaan ini tentu sekali telah menjejaskan untuk menampung kos perbelanjaan dalam kehidupan seharian seisi keluarga.

Seperkara lagi berkaitan dengan isu kesihatan mental turut diberikan perhatian dalam mendepani pandemik Covid-19. Lantaran pesakit yang dijangkiti Covid-19 turut menyebabkan ketegangan peribadi bersama ahli keluarga mahupun masyarakat di sekeliling mereka. Sesetengah mereka pula berpisah dengan keluarga yang rapat akibat pelaksanaan PKP. Pergerakan yang terhad ini telah memberi implikasi kepada kesihatan mental seseorang dengan kemurungan dan kesedihan mudah dirangsangkan. Kes perceraian pasangan juga turut meningkat di negara ini sepanjang tempoh PKP yang menunjukkan kebimbangan dalam konteks institusi kekeluargaan (Parzi, 15 September 2021). Hal ini bukan sahaja berlaku di peringkat global, tetapi juga di Malaysia yang didapati antara kes tertinggi Covid-19 di Asia Tenggara. Justeru, tujuan penulisan untuk melihat pragmatiknya PKP ke atas beberapa isu yang bukan sahaja berlaku di seluruh negara, tetapi juga negeri di bawah bayu, Sabah.

Isu bantuan poket kepada rakyat

Sepanjang tempoh PKP, kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi menyalurkan bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Antaranya termasuklah Bantuan Sara Hidup (BSH) yang dilaksanakan menerusi Pakej PRIHATIN dan pengenalan moratorium kewangan. Dengan bantuan ini, kerajaan berharap dapat mengurangkan tekanan ekonomi rakyat yang terkesan akibat wabak Covid-19. Kit PRIHATIN bernilai RM250 bilion diperuntukan bagi menyokong usaha untuk bantuan poket rakyat. Sebanyak RM128 bilion, atau 51.2 peratus disalurkan untuk melindungi kesihatan rakyat. (Sofea Susan Albert Kassim, 27 Mac 2020). Sementara itu, moratorium bayaran balik pinjaman bank selama enam bulan diberikan kepada semua individu tanpa mengira golongan B40, M40 atau T20. Malah moratorium ini bagi memudahkan dan meringankan tanggungan juga untuk pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas (BH Online, 1 Mei 2020). Pada prinsipnya, peruntukan ini tentu dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, tetapi juga penduduk di Sabah. Usaha ini dapat dianggap tepat pada masanya apabila kerajaan melaksanakan PKP 1.0 pada Mac 2020. Langkah yang dianggap begitu

signifikan ini bertepatan juga dengan usaha untuk memastikan kelestarian institusi keluarga dapat berada dalam keadaan yang stabil dari segi psikologi mahupun sosioekonomi. Keprihatinan di peringkat persekutuan ini turut sama dilakukan oleh kerajaan negeri Sabah.

Di Sabah, kerajaan negeri turut bersama menyumbang bagi membantu rakyat di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Shafie Afdal. Beliau telah mengumumkan bantuan yang dikenali sebagai Pakej Bantuan Covid-19 berjumlah RM670 juta pada 25 Mac 2020. Menurut Ketua Menteri, dengan slogan, “Sabah, we care” dianggap juga sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Sabah. Pakej Bantuan Covid-19 berkenaan membabitkan 358,031 orang penduduk Sabah, termasuk yang tinggal di Semenanjung Malaysia (Dahali, 25 Mac 2020). Justeru, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah untuk membantu setiap lapisan penduduk di negeri ini dalam berhadapan dengan pelbagai kesukaran yang dihadapi sepanjang tempoh usaha menangani penularan wabak Covid-19. Menurut Ketua Menteri, pakej berorientasikan kepentingan rakyat (*people centric*) itu merangkumi keseluruhan masyarakat dalam usaha memastikan sosioekonomi keluarga mereka terus terjamin, terutamanya golongan B40.

Rajah 1: Pakej Bantuan Covid-19 Sabah

Bil.	Pekej Bantuan	Nilai Peruntukan (RM juta)
1.	Kesihatan dan Kelengkapan Hospital	50
2.	Bekalan Makanan <i>Frontlines</i>	10
3.	Bantuan khas sekali bayar RM300	19
4.	Bantuan kepada miskin tegar dan miskin (RM500)	20
5.	Golongan B40	80
6.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)	30
7.	Dana kredit mikro Sabah untuk peniaga-peniaga kecil	40
8.	Dana IKS Sabah	50
9.	Pembangunan infrastruktur luar bandar	200

Sumber: Ubahsuai dari Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buletin Khas Negeri Sabah* (2020)

Berdasarkan Rajah 1, terdapat pelbagai jenis peruntukan yang dibelanjakan antaranya termasuklah hal yang berkaitan dengan kesihatan, perkhidmatan dan kebajikan kepada pelbagai golongan rakyat di Sabah. Dalam usaha mengawal pandemik Covid -19, kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM50 juta bagi tujuan keperluan kesihatan dan peralatan hospital. Begitu juga, mereka yang bertugas di barisan hadapan (*frontlines*) turut diberikan peruntukan bekalan makanan sebanyak RM10 juta. Peruntukan ini sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk memastikan sepanjang tempoh PKP keadaan terkawal dari segi keselamatan dan keamanan negara, serta perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan terbaik dalam kalangan rakyat.

Sekiranya di peringkat persekutuan terdapat moratorium, begitu juga diambil kira isu bayaran balik pinjaman institusi kewangan seliaan kerajaan negeri. Di Sabah, institusi kewangan milik kerajaan negeri turut membuat penangguhan ansuran bulanan pinjaman kepada pelanggan

mereka yang terjejas akibat penularan Covid-19 seperti Perbadanan Pinjaman Sabah (Sabah Credit Corporation), Borneo Housing dan Yayasan Usaha Maju (YUM). Agensi-agensi ini turut memberikan moratorium sepertimana yang dilaksanakan oleh bank-bank komersial lain (Bernama, 1 April 2020). Sebagai contohnya, peminjam YUM majoritinya adalah terdiri daripada kaum wanita yang mengusahakan perniagaan berskala kecil seperti menjual produk kecantikan dan membuka gerai menjual makanan. Langkah ini tentu dapat memberikan manfaat apabila terjejasnya perniagaan mereka akibat pelaksanaan PKP. Kaum wanita menjadi tulang belakang kepada institusi keluarga tentu usaha murni ini dapat melestarikan kestabilan sosioekonomi mereka.

Pada prinsipnya, segala bantuan yang dinyatakan sedikit sebanyak telah dapat membantu institusi kekeluargaan dengan sebaiknya selari dengan usaha kerajaan tersebut. Segala bantuan ini telah memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira golongan B40, M40 mahupun T20. Hanya ketua keluarga perlu membuat perancangan rapi agar status sosioekonomi mereka tidak begitu terjejas. Mereka perlu membuat pengstruktur semula pengurusan kewangan peribadi masing-masing agar selari dengan kemampuan untuk jangka masa pendek mahupun panjang. Perbelanjaan rumah tangga mesti disusun semula agar sesuai dengan jumlah pendapatan yang diperolehi. Bagi penerima bantuan, langkah perbelanjaan berhemah dan pembelian keperluan asas hendaklah menjadi keutamaan dalam keluarga. Justeru, kebijaksanaan ketua keluarga adalah dituntut kerana isu kewangan dan perbelanjaan menjadi ujian terpenting yang harus diselesaikan. Ini sangat penting untuk mengatasi kemerosotan sosioekonomi semasa pelaksanaan PKP akibat usaha mengawal penularan wabak Covid-19. Antara isu utama yang mesti ditangani oleh sesebuah keluarga adalah penyelesaian hutang. Hutang ini termasuklah kad kredit, pinjaman peribadi, kenderaan dan perumahan. Sebagai contoh, penyelesaian hutang kad kredit hendaklah dibuat dengan menggunakan kemudahan moratorium hasil penangguhan bayaran balik seperti pinjaman peribadi atau kenderaan semasa.

Isu Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Isu desakan untuk pengeluaran sebahagian simpanan dari KWSP turut berlaku akibat dampak pelaksanaan PKP bagi mengawal pandemik Covid-19. Keadaan bertambah buruk selepas darurat diisytiharkan selepas kes di negara ini meningkat naik secara mendadak. Walaupun situasi semakin sukar dan memberi tamparan kepada pemulihan ekonomi, tetapi kerajaan mempunyai langkah tersendiri bagi membendung keadaan tersebut. Pengeluaran separuh simpanan dari KWSP telah membantu serba sedikit keadaan sosioekonomi individu pencarum yang merosot akibat pelaksanaan PKP, serta ditambah lagi dengan perisytiharan darurat. Pengeluaran tersebut dipanggil sebagai I-Lestari yang diperkenalkan oleh kerajaan. Usaha ini dapat membantu meringankan beban aliran tunai pencarum, termasuk kebenaran ahli untuk mengurangkan caruman wajib mereka daripada 11 peratus kepada tujuh peratus berkuatkuasa dari April hingga Disember 2020 (Zaynudin, 2021).

Pengeluaran I-Lestari menjadi pelengkap kepada usaha melestarikan institusi kekeluargaan di negara ini dari segi jaminan sosioekonomi mereka. Bantuan pengeluaran ini sedikit sebanyak dapat menampung kos sara hidup rakyat seisi keluarga masing-masing. Walaupun I-Lestari tempohnya singkat, tetapi dengan pengeluaran yang diperolehi sesebuah keluarga mampu untuk membeli barang keperluan asas mereka. Setelah keadaan hampir pulih, kerajaan telah memberhentikan pengeluaran I-Lestari dengan memperkenalkan program I-Sinar. Menerusi

Program I-Sinar, pencarum dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan KWSP akaun 1 sebanyak 10% dengan syarat baki minimum sebanyak RM100. Pengeluaran yang dibuat secara one-off maksimum RM10,000 pada pendeposit juga boleh memberikan kesan pengganda kepada ekonomi negara (Halimy, 21 Jun 2021). Dengan program ini, ia mampu meringankan beban bagi ketua keluarga yang telah kehilangan pekerjaan atau gaji mereka dibayar separuh oleh majikan. Selain itu, ia juga dapat digunakan untuk membantu peniaga-peniaga kecil atau mereka yang baharu berjinak dengan bidang perniagaan.

Di Sabah, program I-Lestrai dan I-Sinar disambut baik oleh rakyat sepertimana yang terdapat di negeri-negeri lain. Pejabat cawangan KWSP telah memberikan perkhidmatan tersebut di setiap daerah termasuklah antaranya Kota Kinabalu, Keningau, Kota Marudu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau. Selain media di arus perdana, media massa tempatan turut juga membantu dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat berkaitan dengan program berkenaan (Sabah Post, 4 Januari 2021). Justeru, usaha ini dapat membantu kelestarian institusi kekeluargaan yang maklum bahawa Sabah antara negeri yang terawal dengan PKP 'total lockdown'. Hal ini tentu sahaja menjejaskan sosioekonomi sebahagian penduduk yang antara mereka dipotong gaji, dibuang kerja atau masih menganggur, malah seumpama, 'hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Langkah kerajaan menerusi program yang diatur oleh KWSP tersebut memungkinan menjadi pelengkap kepada kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Isu Pembangunan Kelestarian Sektor Pendidikan

Pendidikan merupakan antara sektor yang terpenting apabila dikaitkan dengan kelestarian institusi kekeluargaan. Pada ghalibnya, sosioekonomi keluarga akan meningkat apabila bertambah baik tahap pendidikan yang diperolehi sama ada kelulusan akademik ataupun kemahiran. Namun begitu, pelaksanaan PKP dan perisytiharan darurat telah memberikan dampak terhadap sektor pendidikan, khususnya di Sabah. Sabah masih ketinggalan dari segi infrastruktur pendidikan sekiranya dibandingkan dengan Semenanjung seperti isu sekolah daif, kemudahan jaringan internet dan gajet laptop. Jurang pendidikan ini menjadi lebih kritikal dan serius apabila pelaksanaan PKP dan perisytiharan darurat dalam usaha untuk membendung pandemik Covid-19. Situasi ini lebih membimbangkan lagi bagi penduduk yang tinggal di luar bandar atau kawasan pedalaman. Pada tahun 2020, kadar kemiskinan masih tinggi iaitu, 19.5 peratus (sekitar 760 ribu orang) di negeri ini memungkinan mereka ketinggalan dalam aspek pendidikan. Justeru, keadaan ini akan menjejaskan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah ketika melaksanakan Pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPR) (Borneo Today, 9 Jun 2021). Sebagai ketua keluarga, ibubapa turut gusar dengan situasi anak mereka yang ketinggalan dalam pelajaran kerana keterbatasan kemudahan untuk mengikuti PdPR.

Isu keciciran pelajar tersebut mendapat perhatian daripada kerajaan Sabah dengan mengambil beberapa langkah bagi membantu proses pelaksanaan PdPR. Antaranya termasuklah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah menerusi sekolah dengan menggunakan modul bercetak bagi pelajar yang tiada peranti, serta liputan internet agar mereka tidak tercicir sepanjang pelaksanaan PdPR (Izwan Abdullah, 27 Januari 2021). Kerajaan Sabah juga mengambil tindakan dengan memberikan bantuan menerusi Fasa 1 program Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) dengan peruntukan RM15 juta. Bantuan Ihsan Komputer ini diberikan kepada pelajar kurang berkemampuan yang mengambil peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Borneo Today, 9

Jun 2021). Usaha ini antara lain menyokong kepada pembelajaran secara lebih komprehensif dan bersepadu melalui saluran TV menerusi RTM, Astro dan rangkaian Media Prima. Selain itu, kerajaan juga prihatin dengan memberikan bantuan subsidi kepada golongan B40 yang tidak mampu membeli kredit atau telefon pintar agar dapat digunakan untuk anak-anak mereka belajar secara atas talian. Langkah ini dapat membantu mengurangkan bebanan mereka ketika negara berhadapan dengan pandemic Covid-19. Pembelajaran dilaksanakan secara atas talian turut meningkatkan *soft skills* yang diperolehi oleh pelajar. Jelaslah bahawa keperluan sosioekonomi dalam konteks institusi kekeluargaan bukan sahaja dilihat aspek keperluan asas dalam bentuk makanan dan barangan, tetapi juga kelestarian pendidikan.

Usaha bersepadu turut dirangsangkan dengan beberapa langkah kerajaan bagi meningkatkan sosioekonomi rakyat menerusi peningkatan tambahan pembinaan menara komunikasi di Sabah. Pada tahun 2021, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menerusi Projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) merancang pembinaan sebanyak 50 menara telekomunikasi lagi sebagai tambahan di bawah inisiatif dana USP SKMM. Inisiatif ini dilaksanakan bagi tujuan memperbaiki lagi infrastuktur bagi meningkatkan sambungan digital secara meluas, berkualiti dan mampu milik. Perkhidmatan 3G dan 4G untuk penduduk, khususnya di kawasan luar bandar diberikan perhatian agar bukan sahaja dapat meningkatkan pendigitalan dalam sektor pendidikan, tetapi juga mengukuhkan lagi taraf sosioekonomi mereka (Sinar Harian, 6 Jun 2021; Dahali R., 20 Februari 2020). Transformasi dalam infrastruktur ini penting agar penduduk di kawasan luar bandar atau pedalaman tidak tercicir dari arus pembangunan negara.

Kesimpulan

Pelaksanaan PKP dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19 dilihat turut memberi kesan ke atas kelestarian institusi kekeluargaan. Wabak Covid-19 bukan sahaja menjejaskan kesihatan, malah turut memberi kesan dari segi sosioekonomi rakyat secara keseluruhannya. Pelbagai lapisan masyarakat terkesan, terutamanya bagi golongan B40 yang boleh dianggap sangat mencabar untuk memastikan institusi keluarga masing-masing berada dalam keadaan stabil dan selamat. Di Sabah, hal ini juga berlaku dalam kalangan penduduk ketika pelaksanaan PKP ketika usaha mengawal dan memerangi musuh yang tidak kelihatan itu. Perihal yang menarik adalah usaha bersepadu telah dilakukan oleh kerajaan yang melibatkan peringkat persekutuan dan negeri. Kerjasama bersepadu ini dapat dilihat dengan usaha menyalurkan bantuan kepada golongan secara bersasar, sama ada ketua atau ahli keluarga. Langkah ini dilakukan menerusi bantuan berbentuk sokongan kewangan dan perkhidmatan. Antaranya termasuklah bantuan poket untuk rakyat, pengeluaran pada pendeposit KWSP, serta peningkatan perkhidmatan dalam sektor pendidikan. Itulah keistimewaan sistem pentadbiran negara yang memungkinkan segala cabaran yang dihadapi dapat dilakukan secara hikmah dan bijaksana. Kelestarian institusi kekeluargaan menjadi agenda penting yang diberikan perhatian oleh kerajaan kerana memahami kestabilan dan keselamatan institusi ini menjadi asas kepada kemakmuran negara.

Akhir kalam, kesedaran bersama dengan menyesuaikan diri dalam hidup norma baharu perlu disantuni demi kelestarian institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara. Rakyat juga harus peka dengan perubahan keadaan sekeliling sama ada dari segi kesihatan atau keselamatan bagi menjaga diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Rakyat Malaysia perlu saling bantu

membantu tanpa mengira sama ada pihak kerajaan, swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO). Hal ini penting demi mengekalkan perpaduan kaum dan kestabilan negara ketika berhadapan dengan musuh, termasuk Covid-19.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan daripada geran penyelidikan SDG Research@Borneo (SDG11-2020), serta dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS2111, TLS2110, TLS2010, TLS2105, TLS2007, TLS2006, TLS2004 & TLS2011).

Rujukan

- Abdullah. I. (27 Januari 2021). Sabah mahu PdPR guna nota bertulis untuk murid tiada peranti disegerakan. *BH Online*. MyMetro. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/780521/sabah-mahu-pdpr-guna-nota-bertulis-untuk-murid-tiada-peranti>
- Ahmad Halimy, N.N. (21 Jun 2021). I-Sinar 2.0 relevan atau retorik. *Sinar Harian*. Diakses dari: <https://www.sinarharian.com.my/article/145376/ANALISIS-SEMASA/i-Sinar-20-relevan-atau-retorik>
- Albert Kassim, S.S. (27 Mac 2020). PM umum Pakej Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion, ini bantuan wang tunai yang bakal diterima rakyat. Di akses dari: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/03/27/pakej-prihatin-rakyat-rm250-bilion>
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap polemik peralihan kuasa secara luar biasa mengikut perspektif demokrasi berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Ationg, R. (2001). Keberkesanan kepimpinan tempatan dalam aktiviti pembangunan desa di daerah Kudat. Unpublished Master Thesis, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Ationg, R., Zulhaimi, N.A., Ibrahim, M.A. & Hashim, J. (2018). Leaders' animosity and leaders' enviousness: An analysis on factor associated with the growing tense ethnic relations in Sabah, Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 11(1), 75-81.
- Ationg, R. (2020). *Political elites and ethnic politics*. Birmingham, United Kingdom: Services for Science and Education Ltd.
- Ationg, R. (2018). Federal Political Elites and the Expansion of Ethnic Politics to the Periphery State of Sabah in Malaysia. The Australian National University, Canberra, Australia.
- Borneo News. (2 Mei 2020). UMNO Sabah bidas institusi kewangan kerajaan Sabah tidak beri moratorium 6 bulan. *BorneoNews.Net*. *MStar*. Diakses dari: <https://borneonews.net/2020/05/02/umno-sabah-bidas-institusi-kewangan-kerajaan-sabah-tidak-beri-moratorium-6-bulan/>
- Bernama. (1 April 2020). Institusi kewangan negeri digesa beri moratorium. Diakses dari: https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1827368
- BH Online. (16 Mac 2020). Covid-19: Kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan mulai Rabu. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665949/covid-19-kerajaan-umum-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-rabu>
- BH Online. (1 Mei 2020). Soalan lazim BNM mengenai kemudahan moratorium. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683788/soalan-lazim-bnm-mengenai-kemudahan-moratorium>

- Borneo Today. (9 Jun 2021). Sabah masih belum sedia PDPR. Diakses dari: <https://www.borneotoday.net/sabah-masih-belum-sedia-terima-pdpr/>
- Dahali. R. (20 Februari 2020). Bina 50 menara telekomunikasi di Sabah. *MyMetro*. Diakses dari: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/546518/bina-50-menara-telekomunikasi-di-sabah>
- Dahali, R. (25 Mac 2020). Covid-19: Sabah umum pakej bantuan RM670 juta. *BH Online*. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669102/covid-19-sabah-umum-pakej-bantuan-rm670-juta>
- Esa, M.S., Muis, A.M.R.A, Ationg, R., Othman, I.W., Lukin@Lokin, A.A., Mokhtar, S. & Adam, S.D.S. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian kes di kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6 (23 April), 57-67.
- Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Adam, S. D. S., Hamid, J. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Demokratisasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 157-170.
- Esa, M.S., Ationg, A., Othman, I.W., Jupiter, H. (2021). Isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 111-125.
- Hassan, A.A.G., Lohanatahan, N., Mazjom, Muhammad, M.N.A., Mohamed, A. & Alwi, J. (2020). *Impak Covid-19 ke atas status sosioekonomi dan kesihatan masyarakat Orang Asli*. Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada ekonomi dan individu (Pusingan 1)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Buletin Khas Negeri Sabah*. Diakses dari: DOSM/BK/Sabah/4.2020/Siri 11
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah. (2021a). Diakses dari: <https://command.sabah.gov.my/>
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri. (2021). Prosedur Operasi Standard (SOP). Diakses dari: <https://command.sabah.gov.my/sop>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kedua di Labuan. 29 Oktober 2020. Diakses dari: <https://covid-19.moh.gov.my/sorotan/102020/pembukaan-pusat-kuarantin-dan-rawatan-covid-19-berisiko-rendah-pkrc-kedua-di-wp-labuan>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021a). Gelombang ketiga pandemik Covid-19 di Malaysia. Diakses dari: <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/122020/gelombang-ketiga-pandemik-covid-19-di-malaysia>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021b). SOP Perintah Kawalan Pergerakan. Diakses dari: <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp>
- Medical Device Authority, Ministry of Health Malaysia. (2020). Teks perutusan khas Perdana Menteri Malaysia bersempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). 10 April 2020. Diakses dari: <https://www.mda.gov.my/news/543-teks-perutusan-khas-perdana-menteri-malaysia-bersempena-perintah-kawalan-pergerakan-pkp.html>
- Mohammad Alyas Bin Zainal Abidin & Roslinah Mahmud. (2020). *Pandemik Covid-19 Dan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Di Malaysia*. Komplilasi Dari Petikan Sumber Berita Atas Talian Tahun 2020. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Diakses dari: <https://covid-19.moh.gov.my/>

- Nik Omar, N.A., Abd Hamid, N.Z., Ahmad, N., Jamaludin, M.F. & Hassam, S.F. (2021). Pandemik Covid-19: Keberkesanan penyebaran maklumat oleh kerajaan dan pematuhan rakyat terhadap perintah kawalan pergerakan. *Journal of Public Security and Safety*, 1, 127-147.
- Parzi, M.N. (15 September 2021). 66,440 pasangan Islam daftar cerai sejak Mac 2020. *BH Online*. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864296/66440-pasangan-islam-daftar-cerai-sejak-mac-2020>
- Sabah Post. (4 Januari 2021). Semakan i-sinar: Status Permohonan & Tarikh pembayaran pengeluaran KWSP. Diakses dari: <https://www.sabahpost.net/2021/01/04/semakan-i-sinar-status-permohonan-tarikh-pembayaran-pengeluaran-akaun-1-kwsp/>
- Sinar Harian. (6 Jun 2021). Sabah agih 10,000 komputer riba kepada pelajar kurang mampu. Diakses dari: inarharian.com.my/article/142701/EDISI/Sabah-agih-10000-komputer-riba-kepada-pelajar-kurang-mampu
- Sugiyono. (2009). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Yazid, M.N. (2020). Ambil iktibar peningkatan ke Covid-19 pasca PRN Sabah. *BH Online*. 9 oktober 2020. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/10/740020/ambil-iktibar-peningkatan-kes-covid-19-pasca-prn-sabah>
- Yahaya, N. (2020). Covid-19: KKM tambah fasiliti di Sabah. *Sinar Harian*. 11 Oktober 2020. Diakses dari: <https://www.sinarharian.com.my/article/104856/KHAS/Covid-19/Covid-19-KKM-tambah-fasiliti-di-Sabah>
- Zainuddin, M.Z. (27 Februari 2021). Pengeluaran i-Lestari RM18.1 bilion - KWSP. *BH Online*. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790777/pengeluaran-i-lestari-rm181-bilion-kwsp>